

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2011/2012

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN MAKMAL DAN BENGKEL
KOD KURSUS	:	BBP 10303
KURSUS	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN VOKASIONAL (ELEKTRIK & ELEKTRONIK) DENGAN KEPUJIAN
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2012
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB EMPAT(4) SOALAN SAHAJA DARIPADA ENAM (6) SOALAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI EMPAT (4) MUKA SURAT

SULIT

- S1** (a) Berikan empat faedah terhadap pengurusan keselamatan di dalam makmal.
(4 markah)
- (b) Terangkan dengan ringkas tiga perbezaan di antara Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) dan Pengurusan Secara Tradisional.
(6 markah)
- (c) Terangkan yang berikut mengenai elemen yang perlu ada dalam Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM).
- (i) Kepimpinan.
 - (ii) Penglibatan pekerja.
 - (iii) Kecemerlangan proses / keluaran.
 - (iv) Penambahaikan berterusan.
 - (v) Penumpuan kepada pelanggan.
- (10 markah)
- S2** (a) Nyatakan misi utama bagi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA).
(2 markah)
- (b) Terdapat tiga kelompok pekerja yang dilindungi di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Terangkan dengan jelas tiga kelompok tersebut dengan memberikan satu contoh yang sesuai.
(9 markah)
- (c) Di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) Bahagian IV ada memperuntukkan kewajipan am majikan dan orang yang bekerja sendiri terhadap pekerjanya (seksyen 15) dan orang-orang selain daripada pekerja (seksyen 17). Kewajipan seorang penghuni tempat kerja terhadap orang-orang lain selain pekerja dinyatakan dalam seksyen 18.

Bincangkan akta di atas dengan memberikan contoh yang sesuai.

(9 markah)

- S3** (a) Terangkan secara ringkas lima fungsi pengurusan latihan dan perkembangan staf.
(5 markah)

- (b) Anda sebagai seorang Ketua Jabatan Pembangunan Sumber Manusia di sebuah sekolah dan ditugaskan oleh Pengetua untuk merangka dan menjalankan satu kursus profesionalisme bagi semua guru yang mengajar kemahiran.

Bincangkan secara terperinci langkah-langkah pelaksanaan kursus profesionalisme tersebut dari peringkat awal sehingga akhir .

(15 markah)

- S4** (a) Terangkan maksud Amalan 5S dalam pengurusan makmal dan bengkel.
(5 markah)

- (b) Bincangkan yang berikut:

- (i) Elemen penting untuk menjayakan Amalan 5S.
(ii) Kaedah bagi mempertahankan pelaksanaan Amalan 5S.
(iii) Hasil yang dijangkakan dari Amalan 5S.

(15 markah)

- S5** Anda ditugaskan untuk menguruskan sebuah Bengkel Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah Kebangsaan yang akan mula menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran pada awal tahun 2013.

Terangkan dengan jelas tindakan yang perlu anda laksanakan untuk merealisasikan rancangan ini berdasarkan kepada perkara di bawah:

- (i) Organisasi bengkel.
(ii) Guru yang akan mengajar.
(iii) Keperluan peralatan dan mesin.
(iv) Layout dan susunatur bengkel.
(v) Perolehan dan pengurusan stok.

(20 markah)

S6 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan istilah berikut:

- (i) Bahan guna habis.
- (ii) Stok inventori.
- (iii) Harta modal.

(3 markah)

(b) Senaraikan empat tatacara pengurusan stor kerajaan yang berkuatkuasa mulai 20hb. Februari 2009.

(4 markah)

(c) Buatkan satu rekod bagi perolehan yang berikut mengikut kategori yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan mengenai Tatacara Pengurusan Stok Kerajaan:

Bil	Perihal barang	Kuantiti	Harga seunit
1	Minyak diesel	30 liter	RM1.30
2	Rod besi Ø8mm x 6m	10 batang	RM25.00
3	Arc Welding Rod #12/5kg	10 bungkus	RM30.00
4	125mm playar cengkam ragum	5 buah	RM12.00
5	100mm spanar boleh laras	10 batang	RM25.00
6	Pelindung muka kimpalan	10 set	RM120.00
7	<i>Blower fan</i>	2 buah	RM200.00
8	<i>100mm Grinding Machine</i>	3 set	RM250.00
9	<i>Heavy duty hand drill</i>	2 set	RM500.00
10	<i>MIG welding machine</i>	3 set	RM8000.00

(13 markah)